

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : MAJLIS PERASMIAN PENUBUHAN PERSATUAN WANITA NEGERI KEDAH
(PERWANEDAH)
Location : TEPIAN GELANGGANG ALOR SETAR, KEDAH,
Date : 22-01-1982

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kedah.

Ampun Tuanku, sembah patik harap diampun.

Patik selaku penasihat Persatuan Wanita Kedah, ringkasnya PERWANEDAH, merafak sembah setinggi-tinggi junjung kasih Kebawah Duli Tuanku yang telah berkenan berangkat mencemar Duli ke Majlis yang tidak sepertinya ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke Majlis ini tidak syak lagi membuktikan minat Kebawah Duli Tuanku terhadap aktiviti rakyat jelata, khususnya kegiatan-kegiatan anjuran pertubuhan amal dan sukarela wanita.

2. Minat dan perhatian Kebawah Duli Tuanku terhadap kegiatan Persatuan baru ini adalah menjadi satu perangsang dan akan meningkatkan lagi semangat patik sekalian untuk memupuk usaha yang lebih giat lagi demi kepentingan dan kemajuan PERWANEDAH. Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke Majlis ini serta limpah perkenan Tuanku untuk bertitah merasmikan penubuhan PERWANEDAH sebentar lagi adalah merupakan satu penghormatan yang tinggi kepada Persatuan ini.

Ampun Tuanku.

3. Patik mohon izin dan perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk meneruskan ucapan patik kepada hadirin-hadirat sekalian.

Ampun Tuanku.

Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah;

Yang Berhormat Hajah Azizah bt.Haji Taib, Yang Di Pertua Perwanedah;

Yang Berbahagia Datin Seri Nik Maimunah;

Yang Berbahagia Datin Hajah Zuhuriah bt. Haji Abdul Hamid;

Yang Mulia Tengku-Tengku dan Datin-Datin;

Wakil-wakil Pertubuhan Wanita;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

4. Sebagaimana kita maklum negara kita Malaysia adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun. Pembangunan yang dicapai setakat ini adalah sumbangan semua pihak daripada segenap lapisan masyarakat. Sumbangan yang lebih besar lagi daripada semua pihak, sama ada daripada organisasi, kumpulan, persatuan ataupun individu adalah sangat-sangat diperlukan bagi meningkatkan lagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

5. Pada hemat saya penubuhan PERWANEDAH bukan sahaja kena pada masanya malahan merupakan satu tindakan positif ke arah meningkatkan pembangunan wanita. Kaum wanita mempunyai peranan yang tertentu di dalam pembangunan negara dan tanggungjawab ini hendaklah dipikul dengan penuh kesedaran. Kaum wanita tidak akan mencapai kemajuan yang diharapkan sekiranya setiap individu wanita tidak bekerjasama dan tidak bersatu padu.

6. Bagi sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, keturunan dan kebudayaan, kita memerlukan perpaduan yang kukuh. Sebenarnya jika dilihat secara positif pelbagaian bangsa, keturunan, kebudayaan dan agama yang terdapat di negara kita adalah merupakan satu potensi yang tidak ternilai. Jika digunakan dengan bijak dan terkawal potensi perbezaan yang wujud di negara kita akan mengukuhkan lagi kemampuan dan ketahanan negara kita. Kita tidak boleh menafikan bahawa kejayaan yang dicapai oleh negara kita setakat ini ialah, antara lainnya, kerana wujudnya asas-asas perpaduan. Tetapi, perpaduan yang lebih kukuh adalah perlu bagi menentukan masa depan negara yang lebih cerah dan terjamin. Masa depan negara - buruk baiknya - terletak di tangan rakyat sendiri. Oleh itu negara memerlukan penglibatan dan kerjasama positif dan bertanggungjawab daripada semua pihak, termasuk kaum wanita, di dalam semua usaha dan kegiatan pembangunan negara.

7. Setiap orang, sama ada sebagai individu atau dalam konteks pertubuhan, mempunyai peranan yang penting dalam usaha untuk memupuk perpaduan dan meningkatkan pembangunan negara. Pembangunan adalah perubahan ke arah pembaikan rohani dan jasmani yang menyeluruh di mana peranan utamanya dipegang oleh manusia. Proses pembangunan akan menjadi lebih sempurna lagi dengan bertambahnya penglibatan kaum wanita dalam projek-projek pembangunan kerana kaum wanita adalah merupakan sebahagian yang penting daripada masyarakat dan rakyat.

8. Perpaduan wanita dan pembangunan wanita adalah aspek yang amat penting dalam pembangunan. Peranan wanita, terutamanya di dalam negara yang sedang pesat membangun, adalah besar. Peranan wanita bukan hanya setakat menjadi suri rumah-tangga, mendidik anak-anak, atau menjaga makan dan pakaian suami tetapi juga dari segi sumbangan mental dan fizikal di dalam perkembangan ekonomi, pelajaran dan lain-lain. Kaum wanita perlu berusaha memajukan diri mereka kerana kemajuan kaum wanita itu sendiri adalah sebahagian daripada pembangunan negara.

9. Di negara kita ini kaum wanita sudah pun menceburkan diri secara aktif di dalam pentadbiran,

sosio-budaya, perniagaan, politik, pertubuhan sukarela dan lain-lain bidang lagi. Walaupun demikian saya percaya kaum wanita tidak harus berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai setakat ini. Kejayaan yang dicapai sepatutnya menjadi pendorong dan bukti bahawa kaum wanita juga mampu untuk berjaya di dalam bidang-bidang yang mungkin belum diceburi lagi. Dengan perkataan lain, ia harus menjadi contoh dan perangsang bagi meningkatkan azam dan tekad kaum wanita untuk berusaha dengan lebih gigih lagi ke arah menempa kejayaan yang lebih besar lagi.

10. Untuk meningkatkan lagi kemajuan, kaum wanita hendaklah melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya. Kaum wanita hendaklah saling bantu-membantu dan jangan cuba jatuh-menjatuhkan sesama sendiri. Perbuatan hasut-menghasut, dengki-mendengki dan sikap mementingkan diri sendiri tidak harus mendapat tempat demi kepentingan dan kemajuan kaum wanita.

11. Jika kita teliti, kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita hari ini adalah merupakan hasil daripada perjuangan kaum wanita sendiri. Pencapaian wanita adalah hasil perjuangan wanita dan kemajuan seterusnya adalah di tangan wanita sendiri. Dalam hal ini, pemimpin-pemimpin wanita bukan sahaja mesti memupuk kesedaran ke arah penyatuan tenaga di kalangan wanita, tetapi juga berusaha memupuk untuk mewujudkan barisan kepimpinan wanita yang jaguh dengan perjuangan yang tulen. Pemimpin-pemimpin wanita harus menjadi agen perubahan kepada masyarakat kaum wanita keseluruhannya bagi melahirkan individu wanita yang gigih, kreatif, berdisiplin, ingin maju dan mempunyai keperibadian serta nilai moral yang tinggi. Sifat-sifat ini adalah asas masyarakat yang dinamis.

12. Pencapaian wanita boleh dipertingkatkan lagi sekiranya tanggapan dan matlamat perjuangan kita itu jelas. Jika tidak perjuangan ke arah perpaduan dan pembangunan wanita mungkin akan terjejas. Landasan perjuangan kita mestilah jelas dan menunjukkan penekanan kepada aspek-aspek tertentu, misalnya, pekerjaan, pelajaran dan lain-lain. Oleh sebab pemerintahan negara pada lazimnya adalah di tangan lelaki dan mereka tidak begitu mendalam tentang tanggapan dan matlamat perjuangan wanita, usaha yang lebih mestilah dibuat oleh kaum wanita untuk meningkatkan pemahaman kaum lelaki mengenai peranan dan perjuangan kita ke arah pencapaian matlamat negara.

13. Peranan wanita adalah jelas sekali jika ditinjau dari sudut dan pandangan Islam. Islam menentukan peranan dan kedudukan kaum wanita di dalam masyarakat. Kita bersyukur bahawa kegiatan dan penglibatan kaum wanita di negara ini adalah bersesuaian dengan suasana serta taraf pembangunan yang terdapat di negara kita ini. Keperibadian dan nilai hidup wanita sebagaimana wujud di negara kita, tanpa sikap ke barat-baratan yang melulu dan terpedaya oleh budaya bebas atau "liberal", adalah sesuai dengan aspirasi dan kehendak negara.

14. Akhir kata, saya yakin bahawa PERWANEDAH boleh memainkan peranan yang berkesan, jika ahli-ahlinya memberi sokongan, dan pemimpin-pemimpinnya memberi keutamaan kepada perjuangan yang tulen demi kepentingan semua wanita dan kemajuan kita.

Wabillahi taufik walhidayah Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.